

Wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 81 ● 16 - 22 OKTOBER 2020 ● PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

www.wilayahku.com.my

INISIATIF WILAYAH CAKNA 3.0

- PERUMAHAN**
Pengecualian sewa rumah PPR/PA (Oktober-Disember 2020)
- PREMIS**
Pengecualian bayaran sewaan premis DBKL dan PPj (Oktober-Disember 2020)
- LESEN PENIAGAAN**
Pembaharuan lesen penjaja dan peniaga kecil secara percuma
- BAUCAR**
Baucar Makanan (Food Pack) kepada isi rumah miskin/asnaf
- SANITASI**
Program sanitasi di semua tempat awam dan sekolah
- MANGSA BANJIR**
Sumbangan kepada mangsa banjir Kuala Lumpur
- BAS PERCUMA**
Tambang bas percuma kepada warga Putrajaya

- Tertakluk kepada warga Wilayah Persekutuan yang terkesan PKPB



Agong seru rakyat bersatu hati

YANG di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah menyeru rakyat Malaysia bersatu hati dalam memerangi penularan wabak COVID-19 susulan kenaikan berterusan tiga digit kes positif harian sejak 1 Oktober lalu.

Baginda turut menzhirkan kegusaran, namun menasihati rakyat supaya kekal bertenang dan mematuhi ketetapan tatacara kebiasaan baharu serta prosedur operasi standard (SOP) terutama dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya.

BERSAMBUNG DI MUKA 2

SOP penuh dari pihak Majlis Keselamatan Negara >>4



Pengecualian sewa rumah, premis tiga bulan sepanjang PKPB

Wilayah Cakna 3.0 bantu warga kota terjejas

Oleh NAZWIN NAZRI
winwilayahku@gmail.com

CAKNA dengan keadaan semasa yang dihadapi warga kota susulan pelaksanaan semula Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Kuala Lumpur dan Putrajaya, inisiatif Wilayah Cakna 3.0 diwujudkan.

Usaha Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) itu bertujuan membantu secara langsung semua pihak terutama kumpulan B40, peniaga kecil dan penjaja yang terjejas.

Diumumkan Menterinya, **Tan Sri TPr Annuar Musa**, inisiatif tersebut melibatkan pengecualian sewa rumah di projek perumahan rakyat (PPR) dan perumahan awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selama tiga bulan bermula Oktober sehingga Disember tahun ini.

Selain itu, bayaran sewaan premis penjaja dan peniaga kecil yang berlesen di bawah kelolaan DBKL dan Perbadanan Putrajaya (PPj) turut dikecualikan sepanjang tempoh tiga bulan bermula bulan ini.

Sepanjang tempoh yang sama, program sanitasi akan dilaku-



PENGHUNI PPR, PA dikecualikan bayaran sewa selama tiga bulan.

kan di semua tempat awam dan sekolah di samping pemberian baucar makanan serta program kembali ke sekolah.

Pada 25 Mac lalu, KWP mewujudkan Inisiatif Wilayah Cakna dengan peruntukan RM63.6 juta bagi membantu warga kota dalam mengurangkan impak penularan wabak COVID-19.

Inisiatif itu juga merangkumi pengecualian bayaran sewa sebulan pada Mac dan penangguhan dua bulan kepada 40,000 penyewa rumah Program Perumahan Rakyat (PPR) Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) dan Perumahan Awam (PA) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) berjumlah RM4.96 juta. **WK**

Malaysia bakal jadi negara terawal terima vaksin dari China

KERAJAAN akan memeterai perjanjian persefahaman (MoU) dengan China bagi memastikan Malaysia menjadi antara negara pertama mendapat vaksin COVID-19 dari negara itu, dijangka selewat-lewatnya akhir tahun ini.

Perdana Menteri **Tan Sri Muhyiddin Yassin** berkata menerusi perbincangan bersama Menteri Luar Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein dengan rakan sejawatannya dari negara itu, China bersetuju untuk menyenaraikan Malaysia sebagai penerima utama vaksin selepas ia selesai menjalani ujian klinikal vaksin berkenaan.

“Saya cukup suka dengan jaminan ini dan saya telah minta agar kerjasama ini dimeterai dalam bentuk MoU yang akan dibuat dengan China,” katanya.



MUHYIDDIN

Pada masa yang sama, Muhyiddin berkata kerajaan juga bersetuju untuk menyertai COVID-19 Vaccine Global Access (COVAX), sebuah badan antarabangsa yang mempunyai kemudahan untuk membantu negara membangun mendapatkan vaksin COVID-19 dan juga vaksin untuk penyakit lain.

Muhyiddin berkata walaupun ia melibatkan jumlah perbelanjaan yang besar, namun ia tidak menghalang kerajaan untuk mendapatkan bekalan daripada pembekal vaksin dari sumber lain.

Dalam pada itu, menyentuh mengenai gelombang ketiga COVID-19 yang melanda negara ketika ini, Muhyiddin berkata kerajaan menggunakan strategi terbaik dalam mengawal pe-

nularan pandemik tersebut termasuk dari segi perbelanjaan.

“Kita berbelanja dengan berhemah. Permohonan daripada Kementerian Kesihatan untuk apa-apa urusan, saya luluskan 100 peratus dan ini adalah langkah penting untuk kita laksanakan memandangkan kes di Selangor dan Sabah sudah meningkat.

“Kita ambil langkah proaktif supaya dapat bendung wabak ini. Tapi kalau keadaan jauh lebih buruk, maka akan ada langkah lain yang kita akanambil untuk bantu rakyat. Apa yang kita lakukan sekarang adalah bagi memastikan tiada ‘lockdown’.

“Ramai yang terlibat dalam sektor ekonomi tidak mahu lagi PKP (Perintah Kawalan Pergerakan), satu sekatan yang ketara bawa kesan besar kepada ekonomi negara,” katanya. **WK**

Bersatu hati perangi COVID-19 - Agong

SELURUH rakyat tanpa mengira bangsa, agama dan fahaman politik diseru untuk bersatu hati dalam memerangi penularan COVID-19, demi keselamatan bersama dan kesejahteraan negara, titah Yang di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin

Abdullah bertitah demikian susulan perkembangan membimbangkan pandemik berkenaan, berikutnya kenaikan berterusan tiga digit kes positif harian dan kewujudan beberapa kluster baharu sejak 1 Oktober lepas.

Datuk Pengelola Bijuaya Diraja Istana Negara, **Datuk Ahmad Fadil Shamsuddin** berbik, Al-Sultan Abdullah bertitah demikian susulan perkembangan membimbangkan pandemik berkenaan, berikutnya kenaikan berterusan tiga digit kes positif harian dan kewujudan beberapa kluster baharu sejak 1 Oktober lepas.

“Al-Sultan Abdullah turut mengajak seluruh rakyat untuk bersama Seri Paduka Baginda berdoa, semoga Malaysia terus dilindungi dan dirahmati dan ancaman penularan COVID-19, dapat dibendung dengan berkesan dan diakhiri segera,” menurut Ahmad Fadil dalam satu

kenyataan, pada Isnin.

Ahmad Fadil berbik, Seri Paduka juga menzahirkan kegusaran, namun menasihati rakyat supaya kekal bertenang dan berdisiplin menjaga kesihatan diri, dengan mematuhi ketetapan tatacara kebiasaan baharu dan prosedur operasi standard, terutama dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya mulai 14 Oktober.

Langutan kepada pelaksanaan PKPB dan atas titah perkenan Al-Sultan Abdullah, Ahmad Fadil berkata, Istana Negara turut melaksanakan sekitan pergerakan separa sehingga tarikh yang akan diumumkan kelak.

“Seri Paduka Baginda amat prihatin serta menitikberatkan penjagaan dan tahap kesihatan diri para pegawai serta kakitangan Istana Negara dan pelaksanaan ini adalah untuk menjamin keselamatan dan kesejahteraan warga Istana Negara,” katanya. **WK**

Dr Zulkifli pulih daripada COVID-19

MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) **Datuk Seri Dr Zulkifli Mohamad Al-Bakri** telah disahkan pulih sepenuhnya daripada COVID-19.



DR ZULKIFLI

Zulkifli dalam satu kenyataan di laman Facebook berkata beliau telah dibenarkan keluar dari wad pada petang Rabu selepas disahkan positif wabak itu pada 5 Okt lepas.

“Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi dengan pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua.

“Selawat dan salam

ke atas Nabi SAW, keluarga, sahabat dan yang mengikut jejak langkahnya hingga Hari Kebangkitan... Segala puji bagi Allah yang mana dengan nikmatnya sempurna segala kebaikan,” katanya.

Walaupun bagaimanapun, beliau berkata Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menasihatinya untuk berhati-hati di rumah sehingga selesai Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang bermula hari ini sehingga 27 Okt depan di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor.

WK

Media diseru salurkan maklumat jelas

Fokus putuskan COVID-19 - Annuar

Oleh AZLAN ZAMBRY
azlanwilayahku@gmail.com

GELOMBANG ketiga pandemik COVID-19 yang menular di beberapa tempat di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor mendorong kerajaan melaksanakan kembali Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Sudah pasti dengan pelaksanaan PKPB, aktiviti sosial dan ekonomi akan terjejas sedikit meskipun pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengeluarkan prosedur operasi standard (SOP) semasa tempoh tersebut.

Menteri Wilayah Persekutuan, Tan Sri TPr Annuar Musa melalui ciapan dalam laman Twitter peribadinya berkata, beliau akan memantau pelaksanaan PKPB di Kuala Lumpur dan Putrajaya sepanjang tempoh tersebut.



ANNUAR mempengerusikan Mesyuarat CMC bermula 14 Oktober.

“Dengan terlaksananya PKPB sekali lagi, saya akan kembali mempengerusikan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri Wilayah Persekutuan (JKKN WP) Kuala Lumpur setiap hari

di Pusat Pengurusan Krisis (CMC) bersama ketua-ketua jabatan dan memantau sendiri pelaksanaan PKPB,” ciapnya baru-baru ini.

Beliau berkata, musim PKPB

mengingatkannya kepada golongan penjaja dan penghuni projek perumahan rakyat (PPR) yang terputus pendapatan.

“Saya juga teringat kepada gelandangan baru dan mereka tak boleh berkeliaran. Kita wajib ikhtiar untuk (membantu) mereka.

“Ini meningkatkan lagi keyakinan saya bahawa paket Wilayah Cakna 3.O amat diperlukan dan golongan berpendapatan rendah perlu dibantu,” katanya.

Annuar berkata, beliau juga telah mengadakan perbincangan dengan Ketua Setiasauha (KSU) Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Bandar Kuala Lumpur dan Presiden Perbadanan Putrajaya tentang impak PKPB pada golongan pendapatan rendah.

“Insyaallah Khamis ini, saya akan umumkan beberapa inisi-

atif KWP untuk meringankan beban rakyat.

“Saya berdoa kehadrat Allah SWT agar warga Wilayah Persekutuan melalui cabaran ini secara bersama, penuh tabah serta kesabaran.

“Kita akan tumpukan usaha memutuskan rantai COVID-19 sekali lagi. Stay home..stay safe..stay united,” katanya.

Dalam pada itu, Annuar mahu semua saluran media perlu menyiar SOP dan peraturan dengan jelas agar rakyat dapat mematuhi peraturan yang dikuatkuasakan.

“Semua saluran media termasuk radio dan televisyen siarkan segala SOP dan peraturan sejelas jelasnya.

“Jangan berulang lagi kes SOP balik dari Sabah, akibat ramai kurang faham, yang patuh SOP pun dilabel tak patuh dan double standard,” katanya. **WK**

MSWP rancang tubuh pusat kuarantine latihan

Oleh AINI MAWAI
ainiwilayahku@gmail.com

EKORAN Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dilaksanakan di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya bermula 14 hingga 27 Oktober ini, Majlis Sukan Wilayah Persekutuan (MSWP) memutuskan untuk menangguhkan sebarang aktiviti sukan di bawah seliaannya.

Namun, bagi memastikan atlet Wilayah Persekutuan kekal aktif sebagai persediaan menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA) Johor 2020 yang dijadualkan berlangsung ta-



DR HASNUL

hun depan, MSWP berhasrat mewujudkan pusat kuarantine latihan atau Quarantine Based Training (QBT).

Menurut Pengarahnya, Dr Hasnul Faizal Hushin Amri, pada masa ini, MSWP sedang mencari lokasi bersesuaian untuk dijadikan QBT bagi menempatkan kira-kira 800 orang atlet.

“Pusat tersebut akan menjadi lokasi latihan untuk mereka yang terlibat dalam kejohanan SUKMA dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) bagi memastikan tiada penularan virus COVID-19.

“Diharapkan kami dapat

mencari lokasi yang bersesuaian agar para atlet dapat bersiap sejaya menghadapi kejohanan yang bakal berlangsung pada 2 hingga 10 April tahun hadapan,” ujarnya kepada Wilayahku.

Ketika ditanya berkenaan lokasi yang bersesuaian untuk pusat tersebut, Hasnul menjelaskan kemungkinan besar di sekitar Kuala Lumpur memandangkan bandaraya tersebut merupakan kawasan strategik.

Pada masa sama, sepanjang tempoh pelaksanaan PKPB selama dua minggu ini, MSWP akan sentiasa memantau perkembangan atlet bagi memastikan mereka sentiasa bersedia untuk menghadapi temasya kebangsaan tersebut. **WK**

17 taman awam ditutup pada orang ramai - DBKL

SEMUA 17 taman awam di bawah seliaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) ditutup kepada orang awam sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) mulai 14 hingga 27 Okt.

DBKL dalam satu kenyataan memaklumkan taman-taman awam itu ialah Taman Botani Perdana, Taman Awam Bukit Kiara, Taman Tasik Titiwangsa, Taman Tasik Manjalara, Taman Metropolitan Kepong, Taman Metropolitan Batu, Taman Tasik Datuk Keramat dan Taman Tasik Permaisuri.

Turut ditutup kepada awam ialah Taman Bukit Jalil, Taman Rekreasi Pudu Ulu, Taman Tasik Ampang Hilir, Taman Alam Damai, Taman Dusun

Bandar, Taman Tasik Danau Kota, Taman Tasik Sri Rampai, Taman Kejiran Ayer Panas dan Taman Rimba Bukit Kerinci.

“Dalam tempoh itu, semua tandas awam di dalam taman seliaan DBKL juga ditutup kepada awam manakala tandas awam di kawasan bandar masih beroperasi seperti biasa,” menurut kenyataan itu.

Pada masa sama, semua kemudahan sukan di bawah seliaan DBKL juga ditutup sepanjang tempoh PKPB.

Dalam perkembangan sama, DBKL turut memaklumkan semua perpustakaan cawangan ditutup kecuali Perpustakaan Kuala Lumpur dan Pustaka KL di Taman Tun Dr Ismail. **WK**

Projek Baiti Jannati TNB

Projek Baiti Jannati TNB merupakan program yang bermula pada tahun 2007 bagi membantu golongan kurang berkemampuan, dari segi pembinaan rumah, bantuan pemilikan rumah, bantuan membaik pulih serta menaik taraf kediaman dan melakukan pendawaian semula kediaman. Kumpulan sasaran program ini adalah asnaf daripada golongan fakir miskin, warga emas, ibu bapa tunggal dan golongan kelainan upaya (OKU). Peruntukan bantuan adalah daripada wang zakat di TNB. Sehingga kini, sebanyak 901 kediaman telah mendapat sentuhan Projek Baiti Jannati TNB di Semenanjung Malaysia.



Untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang usaha murni ini, sila layari www.tnb.com.my